

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Kedua**

**Sidang Akademik 1999/2000**

**Februari 2000**

**HKB 502 – Topik-Topik Terpilih Dalam Kesusasteraan Bandingan**

**Masa: [3 jam]**

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI **LAPAN** [8] SOALAN DI DALAM **ENAM** [6] HALAMAN.

Jawab **EMPAT** [4] soalan sahaja. Pilih **SATU** [1] soalan daripada setiap Bahagian dan **SATU** [1] lagi daripada mana-mana Bahagian.

**BAHAGIAN A**

1. Sejauhmanakah benarnya pernyataan para sarjana Kesusasteraan Bandingan bahawa cara kerja Sekolah Amerika berbeza dari cara kerja Sekolah Perancis. Berikan jawapan anda dengan merujuk kepada asas pemikiran dan konteks dalam mana sekolah-sekolah tersebut dibangunkan.
2. Bincangkan dimensi *extra-national* dan konsep *interliterariness* dalam kajian Kesusasteraan Bandingan. Perbincangan anda mestilah merujuk kepada ciri-ciri sepunya yang ketara dalam karya agung beberapa tradisi sastera Timur dan Barat.

**BAHAGIAN B**

3. Terjemahan sastera melibatkan perpindahan teks dari suatu budaya dan tradisi ke suatu budaya dan tradisi yang asing. Para sarjana terjemahan sastera berpendapat bahawa ini melibatkan proses penulisan semula (*rewriting*) dan juga manipulasi, lebih-lebih lagi sekiranya dilakukan oleh penterjemah yang berasal dari sesuatu tradisi “major”, yang menterjemahkan teks yang berasal dari sesuatu tradisi “minor”.

- Bincangkan secara kritis sejauhmanakah pernyataan ini benar. Jawapan anda harus merujuk kepada mana-mana karya Melayu dan terjemahan Inggerisnya yang anda pernah baca.
4. Di dalam proses membandingkan sesebuah teks asal dengan teks terjemahannya, beberapa kaedah dan kriteria penilaian boleh diaplikasikan. Jelaskan:
- (a) Apakah perbezaan di antara kaedah kualitatif dan kaedah kuantitatif?
  - (b) Dengan menggunakan kaedah kuantitatif, berikan penilaian anda terhadap petikan-petikan terjemahan di dalam Lampiran A, **atau** Lampiran B, **atau** Lampiran C. Gunakan jadual yang disertakan sekiranya perlu untuk menulis jawapan anda.
5. Jelaskan maksud wacana kolonial dan wacana pasca-kolonial. Kemukakan contoh-contoh yang relevan daripada karya asal Melayu *Salina* oleh A. Samad Said dan terjemahan-terjemahan bahasa Inggerisnya untuk menerangkan perbincangan anda.

### **BAHAGIAN C**

6. “Hamba dengar ada Hikayat Melayu dibawa oleh orang dari Goa, barang kita perbaiki kiranya dengan istiadatnya, supaya diketahui oleh segala anak cucu kita yang kemudian daripada kita, dan boleh diingatkan oleh segala mereka itu. Dan adalah beroleh faedah ia daripadanya.”

(Mukadimah *Sejarah Melayu*)

... bahawa membahaskan suatu kitab dengan bahasa Jawi pada hal mengandungi perkataan segala yang mendiami tujuh petala langit dan tujuh petala bumi ... dan menyatakan kelakuan segala raja-raja yang dahulu dan yang kemudian.

(Mukadimah *Bustan al-Salatin*)

Berdasarkan pengetahuan anda tentang kaedah kajian tematik dalam Kesusasteraan Bandingan, berikan satu perbandingan kritis tentang tujuan *Sejarah Melayu* dan *Bustan al-Salatin* dihasilkan. Bagaimanakah tujuan-tujuan tersebut ditampilkan dalam kedua-dua buah teks berkenaan?

7. Dengan merujuk kepada perlukisan tentang “Taman Ghairah” yang terdapat dalam Fasal 13 bab kedua *Bustan al-Salatin*, bincangkan secara kritis beberapa permasalahan yang mungkin dihadapi dalam mengesan sumber-sumber rujukan yang telah digunakan oleh Nuruddin al-Raniri dalam penulisan tentang taman tersebut. Bagaimanakah permasalahan tersebut dapat diatasi melalui kaedah kajian sumber dalam Kesusasteraan Bandingan?
8. Dengan merujuk kepada teks *Sejarah Melayu* dan *Bustan al-Salatin*, berikan satu perbandingan kritis tentang kedudukan Tun Sri Lanang dan Nuruddin al-Raniri sebagai sejarawan dari istana Melayu zaman silam.